

APRIL
2021

*Aspirasi
Kejemahterangan*

PKNP

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | www.pknpp.gov.my

MESYUARAT AHLI PERBADANAN PKNP BIL.1/2021

Kuantan, 16 April - YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail selaku Pengerusi PKNP telah mempengerusikan Mesyuarat Ahli Perbadanan PKNP Bil. 1/2021 baru-baru ini.

Mesyuarat tersebut yang telah berlangsung di Bilik Mesyuarat Cempaka, Kompleks Dagangan Mahkota, Bandar Indera Mahkota diadakan untuk membentangkan laporan prestasi kewangan PKNP sehingga 31 Mac 2021, pengambilalihan rumah rehat Kerajaan Negeri Pahang dan beberapa agenda lain.

Turut hadir adalah Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Pahang, Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak, Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang, Encik Saiful Edris

bin Zainuddin, Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang, Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar, Pengarah PTG Pahang, Yang Hormat Dato' Haji Fadzillah bin Haji Saleh dan termasuklah wakil Kementerian Kewangan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar serta Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar.



YAB. Menteri Besar mempengerusikan mesyuarat Ahli Perbadanan PKNP Bil 1/2021

YAB. MENTERI BESAR HADIR MAJLIS BERBUKA PUASA KUMPULAN PKNP



Anak-anak yatim dari Rumah Anak-Anak Yatim dan Miskin Dynasti, Bukit Setongkol, Kuantan turut diraikan pada Majlis Berbuka Puasa PKNP 2021

Kuantan, 16 April - YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail turut berkesempatan meluangkan masa berbuka puasa bersama warga kerja dan anak syarikat di BCIC Lodge, Bandar Indera Mahkota, Kuantan setelah selesai mempengerusikan Mesyuarat Ahli Perbadanan PKNP Bil.1/2021.

Beliau yang juga Pengerusi PKNP turut memberikan sumbangan kepada 30 anak-anak dari Rumah Anak-Anak Yatim dan Miskin Dynasti, Bukit Setongkol, Kuantan yang dijemput khas untuk bersama-sama berbuka puasa dengan warga kerja PKNP.

Tradisi tahunan ini untuk mengukuhkan lagi hubungan antara Pengurusan dengan Warga Kerja PKNP.

Turut hadir adalah Setiausaha Kerajaan Pahang, Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak, Ahli-Ahli Perbadanan PKNP, Pengurusan PKNP, pegawai-pegawai kanan anak syarikat dan warga kerja PKNP.



YAB. Menteri Besar Pahang bergambar bersama sebahagian warga kerja PKNP

PKNP TANDATANGAN PERJANJIAN PAJAKAN TANAH BERSAMA WORLD GLOVES INTERNATIONAL GROUP CITY & HUB DEVELOPMENT SDN BHD (WGC)

Kuantan, 5 April - Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) telah menandatangani perjanjian pajakan tanah dengan World Gloves International Group City & Hub Development Sdn Bhd (WGC) untuk membangunkan hub pembangunan sarung tangan getah dan produk PPE di Gebeng, Kuantan.

Hub pembangunan sarung tangan getah dan produk PPE ini melibatkan pelaburan berjumlah RM 100 juta di atas kawasan seluas 317 ekar di Kawasan Perindustrian Gebeng, Kuantan. Pembinaan bagi Fasa 1 dijangka bermula pada Jun 2021 dan dijadualkan siap pada Disember 2021.

Pembuatan sarung tangan getah dan produk PPE ini mensasarkan pasaran Eropah, Amerika Syarikat dan Asia Tenggara.

Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar mewakili PKNP untuk menandatangani perjanjian ini manakala WGC pula telah diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif World Gloves International Group City & Hub Development Sdn Bhd, Dato' Gianluca Ernesti.

Menurut Encik Mohd Faizal, pelaburan terbaharu di Kawasan Perindustrian Gebeng ini akan membawa limpahan ekonomi kepada kawasan setempat dan kawasan sekitarnya. Peluang - peluang pekerjaan dijangka akan meningkat dan dapat menampung kekurangan peluang pekerjaan sedia ada pada ketika ini.

Turut hadir adalah YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, Setiausaha Kerajaan Pahang, Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak, Pegawai Kewangan Negeri Pahang, Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar dan Ahli Perbadanan PKNP yang lain.



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar saling bertukar perjanjian bersama Ketua Pegawai Eksekutif WGC, Dato' Gianluca Ernesti

YAB. MENTERI BESAR PAHANG RASMI BCIC LODGE



Upacara memotong riben oleh YAB. Menteri Besar Pahang sebagai simbolik perasmian BCIC Lodge

Kuantan, 17 April - YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail telah merasmikan bangunan BCIC Lodge di Bandar Indera Mahkota, Kuantan hari ini.

BCIC Lodge sebelum ini dikenali sebagai Kompleks Dagangan Mahkota (KDM) di mana sejak 2008, BCIC Lodge telah menjalankan fungsinya sebagai One Stop Centre yang menawarkan perkhidmatan sewaan kemudahan bagi Majlis Perkahwinan, Jamuan Makan Malam, Seminar, Kursus, Mesyuarat, Kem Motivasi dan sebagainya.

Malah, BCIC Lodge juga menawarkan penginapan dengan kemudahan yang selesa dan harga yang berpatutan.

BCIC Holdings Sdn Bhd merupakan salah satu anak syarikat milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) dan telah dibina sejak 32 tahun yang lalu iaitu pada 16 Mac 1989.

PKNP TERIMA KUNJUNGAN HORMAT KETUA PEGAWAI OPERASI KPC

Kuantan, 7 April - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar menerima kunjungan hormat delegasi daripada Kuantan Port Consortium Sdn Bhd (KPC), yang diketuai oleh Ketua Pegawai Operasi KPC, Encik Mazlim bin Husin.



Cenderahati dari KPC diserahkan oleh Encik Mazlim bin Husin kepada Encik Mohd Faizal bin Jaafar

Kunjungan ini bagi mengukuhkan lagi hubungan baik yang sedia terjalin antara kedua - dua pihak di samping memaklumkan perkembangan terkini operasi dan aktiviti di Pelabuhan Kuantan bagi membolehkan PKNP berkongsi maklumat terbaharu dengan para pelabur.

Turut hadir adalah Pengurus Bahagian Perindustrian, Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman dan Penolong Pengurus Bahagian Perindustrian, Puan Dhaleazafarina binti Md Zabani.

KPC pula turut diwakili oleh Penolong Pengurus Besar Operasi, Capt. Mohd Zulkhailli bin Alias dan Pengurus Kanan Pemasaran, Encik Lim Chee How.

LAWATAN KERJA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PKNP KE BENTONG



Program turut melibatkan lawatan ke tanah Lot PPD Simpang Pelangai

Bentong, 6 April - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar melakukan lawatan kerja ke Bentong pada 6 April 2021 bagi meninjau perkembangan terbaharu dan mendapatkan status terkini projek - projek PKNP di kawasan Bentong.

Program bermula dengan melawat perkembangan terbaharu infrastruktur pembinaan jalan masuk ke Kawasan Perindustrian Bentong 2A.

Di samping itu, lawatan juga diadakan ke Kawasan Perindustrian Bentong 2B bagi mendapatkan status terkini tanah yang dibeli oleh ND Paper (Bentong) Sdn Bhd seluas 24 ekar.

Lawatan ini juga bagi meninjau peluang bagi cadangan pembinaan bengkel IKS kepada usahawan di kawasan perindustrian ini. Cadangan ini dijangka melibatkan tambahan bengkel sebanyak 15 unit untuk dilaksanakan di bawah Rolling Plan 3, Rancangan Malaysia Ke - 12 (RMK - 12).

Kawasan Perindustrian Bentong meliputi tanah seluas 177.3 hektar. Boustead Heavy Industries, ND Paper (Bentong) Sdn Bhd dan Bitumax Sdn Bhd adalah antara kilang - kilang yang telah beroperasi di kawasan perindustrian ini.



Turut hadir adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP dan Pengurus - Pengurus Bahagian PKNP

Lawatan diteruskan dengan meninjau perkembangan Projek Perumahan Chemperoh di Janda Baik. Projek ini kini sedang dalam pembinaan dan telah 84 % siap dan dijangka tamat pembinaannya pada pertengahan tahun 2021. Program selama sehari ini diakhiri dengan lawatan ke tanah lot PPD Simpang Pelangai.

Hadir bersama adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Tuan Haji Mohd Zaid bin Harun, Pengurus Bahagian Perindustrian, Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman, Pengurus Bahagian Hal Ehwal Korporat, Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim, Pengurus Bahagian Teknik, Tuan Haji Mohamad Hasrizal bin Hasim, Pengurus Bahagian Pembangunan Hartanah, Kapt. Azis bin Muhamad, Penolong Pengurus Bahagian Hal Ehwal Korporat, Puan Nor Azlin binti Ahmad dan Tuan Haji Abdul Rahaman bin Abd Rani. Program ini diselenggarakan oleh Bahagian Ehwal Korporat PKNP.

PKNP ATUR MESYUARAT PENYELARASAN CADANGAN PEMBINAAN KILANG BLACK PELET DI GEBENG



Pengurus Perindustrian, Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman sedang menyampaikan taklimat di mesyuarat tersebut

Kuantan, 9 April - PKNP telah mengatur mesyuarat penyelarasan mengenai cadangan pembinaan kilang Black Pellet oleh syarikat Wilhelmina Energy Malaysia Sdn Bhd baru-baru ini di Hyatt Regency Kuantan Resort, Kuantan.

Mesyuarat penyelarasan ini diadakan bagi membincangkan pajakan tanah PKNP seluas 23.35 ekar di lot 140H, Kawasan Perindustrian Gebeng Fasa 3 termasuk keperluan teknikal sebelum pihak syarikat mengemukakan Permohonan Kebenaran Merancang kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Kilang ini dijangka mula dibangunkan pada suku ketiga tahun 2021 setelah mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan. Pembinaan kilang ini mensasarkan peluang pekerjaan kepada hampir 150 orang dengan nilai pelaburan berjumlah RM 35 juta.

Pengurus Bahagian Perindustrian PKNP, Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman telah mempengerusikan mesyuarat ini. Hadir bersama dalam mesyuarat ini adalah wakil daripada jabatan dan agensi teknikal yang berkaitan seperti MITI, MIDA, MBK, TNB, PAIP, JKR, JAS, JPS serta Penolong Pengurus Perindustrian, Puan Dhaleazafarina binti Md Zabani.



Mesyuarat dihadiri oleh hampir 30 orang wakil dari jabatan-jabatan kerajaan

PUSPANITA PKNP ANJUR KURSUS CELIK PENGURUSAN WANG



Program ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada warga kerja PKNP

Kuantan, 1 April - Biro Kebajikan dan Pendidikan PUSPANITA PKNP dan Biro Seranta & Ekonomi Kelab Keluarga Kumpulan PKNP berganding bahu menganjurkan program Smart Belanja pada hari ini di Dewan Utama dan Dewan Seminar EDC, Kompleks Teruntum.

Program ini turut mendapat kerjasama dan sokongan daripada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Pahang.

Smart Belanja diadakan bertujuan untuk berkongsi dengan para peserta akan kepentingan merancang dan mempraktikkan pengurusan kewangan dengan betul.

Antara pengisian program ini adalah ceramah pengurusan keluarga secara berhemah oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

Turut hadir bersama semasa program berlangsung adalah Pengerusi PUSPANITA PKNP, Puan Zuhaira binti Zainordin, Presiden Kelab Keluarga Kumpulan PKNP, Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman dan Penolong Pengarah LPPKN Pahang, Puan Mazlina binti Abdul Hamid.

Untuk rekod, program ini telah berjaya menarik 40 peserta dan telah mematuhi SOP yang ditetapkan.

PELANTIKAN KAKITANGAN BAHARU PKNP

PKNP melantik lima anggota kerja baharu berkuatkuasa 1 April 2021 bagi menggantikan kakitangan yang telah bersara dan mengisi kekosongan jawatan di bahagian-bahagian yang kritikal.

Pertama, Encik Muhammad Fakhru Razzi bin Mohd Zailli dilantik sebagai Penolong Pegawai Tadbir N29 di Bahagian Pembangunan Hartanah. Seterusnya, Encik Mohamad Alifi bin Mohamad Arjunaidi dilantik sebagai Penolong Akauntan W29 di Bahagian Kewangan.



Pekerja baru PKNP melafazkan aku janji

PKNP juga mengalu-alukan Cik Nursyazulwani binti Dzulkefly yang dilantik sebagai Pembantu Tadbir (P/O) N19 di Bahagian Pemasaran dan Pengurusan Harta.

Seterusnya, Cik Nor Aminah binti Ismail sebagai Pembantu Tadbir (P/O) N19 di Bahagian Pentadbiran & Sumber Manusia.

Akhir sekali, Puan Siti Zahida binti Mohd Zawawi ditempatkan di Bahagian Teknik sebagai Pembantu Tadbir (P/O) N19.



Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif bergambar bersama-sama Eksekutif Pelatih PKNP



Kerjasama antara warga kerja PKNP terserlah sepanjang program berlangsung

Majlis Berbuka Puasa KUMPULAN PKNP



Sidang Redaksi

Penaug / Penasihat
Encik Mohd Faizal bin Jaatar
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Penyelaras Penerbitan
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

Ketua Editor
Encik Mohd Fahmi bin Abdul Ghani

Grafik
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasi
Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman

Jurufoto
Encik Saiful Azli bin Yahia
Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman